

15 OCT 2003

Mahkamah-Irene

MAHKAMAH PUTUSKAN NASIB IRENE FERNANDEZ ESOK

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Mahkamah Majistret di sini menetapkan esok untuk membuat keputusan mengenai perbicaraan terhadap pengarah Tenaganita Irene Fernandez yang didakwa dengan niat jahat menerbitkan satu memorandum.

Majistret Juliana Mohamed membuat keputusan itu selepas mendengar penghujahan lisan Irene selama dua hari dari kandang tertuduh.

Irene didakwa mengikut pertuduhan pindaan iaitu dengan niat jahat menerbitkan satu memorandum bertajuk "Abuse, Torture and Dehumanised treatment of the migrant workers at detention camps" yang mengandungi berita-berita palsu, di pejabat Tenaganita Sdn Bhd, di No 28c, Lorong Bunus Enam, Off Jalan Masjid India, pada 25 Ogos 1995.

Irene dituduh mengikut Seksyen 8A(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 yang membawa hukuman penjara maksimum tiga tahun atau denda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Irene ditahan di rumahnya pada 18 Mac 1996. Dia dibenarkan diikat jamin sebanyak RM3,000 dan pasportnya diserahkan kepada mahkamah.

Dalam hujahnya Irene berkata satu tiga wartawan akhbar Sun yang diketuai Steven Gan memenangi hadiah bernilai RM3,000 dan sijil daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, yang ketika itu Menteri Dalam Negeri, pada 21 Okt, 1996 kerana menerbitkan berita mengenai layanan terhadap pekerja asing di kem tahanan dan membuat rumusan seperti yang dinyatakan dalam memorandum terbabit.

"Jika wartawan Sun boleh mendapat anugerah bagi cerita yang sama dan benar, apa yang saya dapat? Didakwa kerana menerbitkan berita palsu mengikut Seksyen 8A(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984," katanya.

Irene berhujah bahawa berdasarkan keterangan empat tahanan, ia menunjukkan wujud paten penganiayaan iaitu dengan mencetuskan perasaan takut supaya orang tahanan takut untuk tampil mendapatkan rawatan walaupun jika mereka sakit.

"Ialah yang sebenar. Isu ini bukan semata-mata berdasarkan jumlah kematian di kem tetapi ada kematian yang berlaku bukan kerana kemalangan, bukan kerana membunuh diri tetapi akibat penganiayaan di kem-kem tahanan," katanya.

Mengenai penganiayaan seksual, beliau berkata seorang bekas tahanan, Mohamad Zakir Hossain M.A.Motabil mendakwa berasa malu dan seperti hendak muntah apabila menyaksikan empat hingga lima tahanan rakyat Burma dipaksa melancap dan melakukan seks oral sesama sendiri dan ditertawakan oleh pegawai kem.

Stanley Augustine mengetuai pihak pendakwaan dan dibantu oleh Lisa Kwan manakala Edmund Bon yang dibantu oleh M. Moganambal mewakili Irene.

-- BERNAMA

CS AHH LAT